

20 APR 2001

Abdullah-SUHAKAM

KERAJAAN PERTIMBANG UNTUK SESUAIKAN UNDANG-UNDANG DENGAN KEADAAN

KAMPUNG GAJAH, 20 April (Bernama) -- Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menyesuaikan beberapa undang-undang di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan keadaan semasa di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau tidak dapat membuat pengumuman secara spesifik tentang perkara itu kerana ianya masih dalam peringkat perancangan.

"Bagaimanapun, sebagai sebuah kementerian yang mempunyai peranan penguatkuasaan yang terbesar berbanding kementerian lain, kita perlu pastikan undang-undang yang kita pakai itu sentiasa relevan," katanya kepada pemberita selepas Program Rakyat Bersama Timbalan Perdana Menteri di Dewan Besar FELCRA Seberang Perak, di sini hari ini.

Beliau berkata, beberapa akta lain terutama Akta Percetakan juga perlu dikaji semula berikutan perkembangan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pernah berkata bahawa adalah perlu undang-undang negara disesuaikan dengan pembangunan dalam bidang ICT.

"Sekarang kita tengok perkembangan baru ICT dan Internet juga sudah jadi bahan penyebaran berita," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata pindaan yang akan dibuat itu tidak semestinya berdasarkan cadangan dan laporan yang dikemukakan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM).

"Saya sudah menerima dan melihat laporan SUHAKAM secara sepintas lalu, laporan SUHAKAM yang diserahkan kepada Parlimen semalam, dan pegawai KDN sedang mengkajinya secara terperinci cadangan atau apa-apa maklumat dalam laporan tersebut," katanya.

Mengenai cadangan SUHAKAM mengenai kebebasan berhimpun agar turut diberi perhatian sewajarnya, beliau berkata kerajaan sedang menunggu laporan yang lebih terperinci daripada suruhanjaya itu.

"Sebenarnya pihak SUHAKAM sendiri sedang menghalusi cadangan-cadangan yang dikemukakan itu. Sebaik sahaja SUHAKAM dah halusi cadangan, saya harap dapat sedikit laporan daripada mereka.

"Saya mengambil sikap yang positif dalam hal ini dan kalau ada golongan yang ingin memikirkan perkara ini dan untuk beri cadangan lanjut, kita bersikap terbuka dan akan beri perhatian.

"Setakat ini, kita tidak membuat sebarang keputusan lagi, kita perlu tengok, atas apa yang ada dalam kandungan cadangan terbabit," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan berhasrat menaikkan kadar denda beberapa undang-undang yang dianggap tidak sesuai, beliau berkata, perkara itu tidak dapat diputuskan kerana masih dalam kajian.

-- BERNAMA

KAY RI